

NOTA UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN
ONN, DI MAJLIS PERJUMPAAN PEMIMPIN
UMNO KEDAH DI WISMA NEGERI, ALOR
STAR, PADA 26HB JULAI, 1976,
JAM 4.00 PETANG

1. Syukur ke hadzrat Allah s.w.t. kerana dapat melakukan lawatan resmi ke Negeri Kedah. Ucapkan terima kasih serta penghargaan tinggi atas sambutan meriah oleh rakyat semua kaum. Bangga dengan semangat perpaduan yang telah ditunjukkan oleh rakyat jelata.
2. ~~Sukacita kerana dapat bertemu muka dengan pemimpin UMNO tempatan dan membincangkan masalah parti dan rakyat.~~

Menegaskan perlunya pemimpin sekalian mendampingi rakyat untuk mengetahui kesulitan serta kemahuan mereka supaya masalah yang mereka hadapi dapat disampaikan ke pengetahuan Kerajaan untuk tindakan sewajarnya.

3. Langkah mengatasi masalah rakyat perlu segera dijalankan bagi mengelakkan masalah itu dieksploitasikan oleh pihak-pihak yang sengaja hendak memburukkan Kerajaan dan membangkitkan perasaan benci atau marah rakyat terhadap Kerajaan. Pemimpin hendaklah sentiasa mendapatkan keyakinan rakyat

serta mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan pada sepanjang masa. Hendaklah berhati-hati dengan segala tindakan mereka supaya dapat memberikan contoh tauladan baik kepada rakyat.

4. Menekankan perlunya perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, khasnya dalam UMNO sendiri. Pemimpin UMNO patutlah bersatu padu. Pertelingkahan di kalangan pemimpin atau dengan adanya berpuak-puak dalam UMNO akan melemahkan kekuatan parti kita. Jika ini dibiarkan berterusan akan membawa kepada perpecahan dan kehancuran UMNO sendiri.

Ini akan juga melibatkan kepercayaan parti² dalam Barisan Nasional.

5. Perpaduan di kalangan pemimpin dan rakyat lebih-lebih lagi perlu, dalam menghadapi masalah keselamatan negara. Pemimpin dan rakyat ramai hendaklah membulatkan tekad serta menyatukan usaha dan tenaga menentang ancaman musuh. Musuh kita sentiasa menunggu peluang untuk mengambil kesempatan mengexploitaskan kegelisahan rakyat atau pertelingkahan pemimpin bagi mencapai matlamat kepentingan mereka. Perselisihan antara kita adalah seperkara yang mereka ^{komunis} hajatkan pada setiap masa.

6. Musuh kita sentiasa menggunakan sebarang issue, bukan sahaja untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat atau persefahaman di kalangan pemimpin, bahkan menjejaskan hubungan persahabatan baik antara kita dengan negara-negara jiran. Dengan jalan ini, musuh-musuh negara berharap rakyat dan Kerajaan akan mengalihkan tumpuan dan perhatian, dari soal keselamatan negara kepada masalah baru yang sengaja ditimbul atau diperbesar-besarkan.
7. ~~Mujurlah juga perselisihan faham kita dengan Negeri Thai tidak berpanjangan yang hampir juga menjejaskan perhubungan~~

baik antara kedua negara. Syukurilah lawatan Perdana Menteri Thai, Seni Pramoj ke Pulau Pinang selama dua hari dan perundingan saya dengannya telah dapat menjernihkan suasana keroh dan perhubungan kita dengan Negeri Thai diharap berbalik baik seperti pada masa-masa yang lalu.

8. Memanglah menjadi tipu muslihat musuh kita, untuk mempengaruhi golongan rakyat dan pemimpin yang sangsikan Kerajaan, dengan tujuan menggunakan mereka ini untuk melemahkan Kerajaan yang sah, dan kemudiannya kelak, akan mengambil alih

12. Resettlement Belia Bessatu in new villages?
- Lee Joo Choon.

13. Presenting the Malayia Plan, 9 pages
in English.

14. Demonstration at Padang Temp - no
publicity in Malay newspaper.

15. Pambel houses move at night.

16. PAS.

17. Veteran Ass gambles in their reserves.

18. What are the roles of women in T.M.P.?

19. motor cycle gang in Kulim (new villages)
- suspect communists aided them.

secara paksa kuasa itu dari pemimpin baru yang telah digunakan sebagai alat mereka itu. Peristiwa seperti ini menjadi permainan dan memang telah berlaku di beberapa negara.

9. Saya menyuarakan perkara ini kerana hendak membangkitkan kesedaran di kalangan pemimpin dan rakyat, supaya tidak termasuk ke dalam perangkap musuh. Kita sekalian patutlah menyatukan tenaga dan memainkan peranan bersama dengan Kerajaan dan Pasukan Keselamatan menghapuskan ancaman musuh itu supaya kita dapat terus hidup dalam aman dan bahagia.

1. Satisfied with allocation to Kedah.

Cabinet
C'tee.

(a) Implementation - shortage of qualified personnel.

(b) At ground level - how ahli² UMNO can help.

2. Captured terrorists after a time released
- not wise to give so much publicity for them.

3. Border Agreement - some view one sided.

4. Thai officials allowed to ~~bring~~ use arms.

5. Wakil rakyat - needs financial provision.

6. Old UMNO members not in Cabinet

7. Shortage of professionals - engineers -
why not use non-malays if malays
are not available.

8. Police Station Changloon - only 7 policemen.

9. Only time-scale officials stationed in underdeveloped
areas - why not place superstate (experienced)?

10. Armed forces salary low.
- Malay technical personnel few.

11. Shortage of land in Kedah -
suggest that foreign articles part of loan agreement.

10. Setiap rakyat hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, supaya segala program yang telah dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dapat dilaksanakan sepenuhnya tanpa sebarang gangguan oleh keadaan keselamatan. Saya penuh yakin Rancangan ini akan diluluskan oleh Dewan Rakyat esok dan akan dijayakan mengikut jadual jangka yang ditentukan.

11. Strateji penting dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah usaha mempergiatkan lagi pembangunan pertanian dengan menyatukan kemudahan-kemudahan yang disatukan.

Menyediakan bahan-bahan keperluan pertanian

*** 1. masalah disempadan malaysia / negeri Thai.

2. Chandumgan perjanjian parti sempadan.

3. Pujunpaan saya dgn P. M. Thai.

4. Hubungan persahabatan diantara dua negara mesti dieratkan lagi. (PTO)

Lihat Buku RMKT.

muka: 16

17

22 & 23

24 & 25

8 5. Komisi memang suka kita dengan Negri Thai
bejarak dan seluasnya tidak berbaik².

tertentu oleh ajensi-ajensi pertanian bagi kepentingan sebilangan besar petani supaya dapat menambahkan hasil pengeluaran dan pendapatan.

12. Mengadakan perkhidmatan perkembangan, kredit, bahan-bahan penanaman yang baik dan subsidi-subsidi serta kemudahan-kemudahan memproses. Membaiki sekim-sekim taliair, parit dan infrastruktur yang lain termasuk jalan-jalan, jambatan dan kawalan banjir di luar bandar bagi memudahkan usaha meningkatkan daya pengeluaran.

13. Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada usaha menambahkan pengeluaran beras supaya dapat memenuhi keperluan negara. Usaha untuk memenuhi matalamat keperluan beras negara akan juga menimbangkan keperluan meninggikan paras pendapatan petani-petani, di samping menjaga kepentingan pengguna. Oleh kerana Malaysia merupakan negara pengeluaran beras dengan kos yang tinggi dan juga ada kemungkinan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga, harga beras yang diimport akan lebih rendah dari harga-harga beras tempatan, Kerajaan akan menjalankan

usaha yang membolehkan negara mendapat faedah daripada kejatuhan harga dalam pasaran dunia di samping menjamin adanya bekalan yang cukup.

14. Pengeluaran padi dalam negara telahpun bertambah dari 1.6 juta tan dalam tahun 1970 kepada kira-kira dua juta tan dalam tahun 1975. Ini merupakan kira-kira 87 peratus dari keperluan negara sebanyak 1.5 juta tan beras untuk tahun 1975.
15. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dalam pembahagian peruntukan, perhatian adalah diberi khusus kepada keperluan memesatkan pertumbuhan ekonomi Negeri-Negeri yang

kurang maju seperti di Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak. Kawasan mundur yang terdapat di negeri-negeri yang lebih maju, akan juga diberi keutamaan.

16. Bagi negeri Kedah, peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak \$854.1 juta. Jumlah ini adalah lebih dari jumlah asal yang diminta. Dari jumlah ini 72.5 peratus (\$620.2 juta) adalah untuk rancangan-rancangan pertanian dan luar bandar, yang akan memberi faedah secara langsung kepada rakyat desa, khasnya petani-petani, peladang, pekebun

kecil getah, nelayan-nelayan. Ini termasuklah mengadakan kemudahan-kemudahan awam seperti bekalan api dan air, jalan dan jambatan, pelabuhan dan perhubungan awam.

17. Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dan galakan-galakan, rakyat ramai hendaklah lebih berusaha supaya matalamat kita meninggikan taraf ekonomi dan membaiki keadaan hidup rakyat dapat dicapai dengan sempurna.
18. Tekankan sekali lagi, pentingnya rakyat memainkan peranan mereka, supaya apa jua kemajuan dan kejayaan yang telah diperolehi

dapat dikekalkan ataupun terus di tingkat lagi pencapaiannya itu. Parti kita mestilah menjadi tumpuan rakyat. Kita tidak boleh bersikap sambil lewa lagi. Tiap-tiap ahli hendaklah mengambil berat akan masaalah rakyat untuk dikemukakan kepada Kerajaan.

19. Akhirnya, menyeru kepada pemimpin-pemimpin supaya terus berkhidmat dengan jujur dan ikhlas, demi kepentingan bangsa dan negara, supaya rakyat dapat kekal hidup dalam aman, sentosa dan makmur buat selama-lamanya.

dapat dilaksanakan ataupun terus di tingkat
 lagi pencapaiannya itu. Parti kita
adalah menjadi tumpuan rakyat. Kita
tidak boleh bersikap sambil lewa lagi.
 Tapi-tapi ahli hendaknya mengambil berat
 akan masalah rakyat untuk dikemukakan
 kepada Kerajaan.

19. Akhirnya, menyeru kepada pemimpin-pemimpin
 supaya terus berkhidmat dengan jujur

**PERKHIDMATAN
 ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978

No Siri	203
No Penerimaan	18/78